



eBuletin

MEI
BIL 5/2018

KURSUS KETUA PATROL PENGAKAP KANAK-KANAK



Pada 3 hingga 4 Mei 2018 seramai 9 orang Pengakap Kanak-kanak SKKT mengikuti Kursus Ketua Patrol di SK Bukit Jejulong. Tujuannya adalah untuk memberi pendedahan mengenai tanggungjawab seorang ketua patrol terhadap ahlinya.

KEM BESTARI SOLAT KALI PERTAMA 2018

Pada 6 Mei 2018, panitia Pendidikan Islam SKKT mengadakan Kem Bestari Solat kali pertama. Kem kali ini bertujuan memberi pendedahan mengenai kaifiyat dan hikmah berwuduk dan solat berjemaah.



MAJLIS BERBUKA PUASA MURID YATIM DAN MISKIN

Pada 26 Mei 2018, seramai 20 orang murid yatim dan miskin SKKT telah diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa yang telah diadakan di Hotel Permai, Kuala Terengganu. Selain menikmati hidangan yang lazat, hamper dan duit raya turut diberikan.



LAWATAN PPKI DAN MURID LINUS KE PUSAT SAINS & KREATIVITI, TERENGGANU.

Pada 22 Mei 2018, seramai 18 orang murid PPKI dan 12 orang murid LINUS dibawa melawat Pusat Sains & Kreativiti, negeri Terengganu. Murid-murid teruja dengan pameran aplikasi Sains di sana.



PROGRAM TADARUS RAMADHAN

Bermula 20 Mei 2018, program Tadarus Ramadhan diadakan bagi mengimarahkan bulan keberkatan umat Islam ini. Murid-murid mengaji al-Quran mengikut ayat yang telah ditetapkan kepada kumpulan masing-masing dengan dibantu oleh seorang guru bagi setiap kumpulan.



SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT SEKOLAH

Pada 16 Mei 2018 sambutan Hari Guru telah diadakan bagi meraikan guru-guru SKKT. Acara tahunan ini dimeriahkan dengan pelbagai acara pentas dan padang.